



BAHAGIAN BEKALAN AIR  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

NOTIS SEBUT HARGA

**NO. SEBUT HARGA : BBA/(SH)/08/2021**  
**TAJUK KERJA : SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH BAGI KAJIAN MENYELURUH SUMBER BEKALAN AIR MENTAH NEGERI SEMBILAN**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Tempatan (Negeri Sembilan sahaja) yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)** (jika berkaitan) yang masih sah, dalam **Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE12 - Kerja Penyiasatan Tanah.**
2. Pihak kontraktor dikehendaki untuk mengisi **BORANG SARINGAN WAJIB** di pautan berikut: <https://forms.gle/pEYwy1mSAdWjY9bH6> mulai **28 Oktober 2021 (Khamis)** sehingga **5 November 2021 (Jumaat)**. Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil PPK, SPKK atau STB sahaja yang dibenarkan mendaftar dan mengisi Borang Saringan Wajib tersebut.
3. Dokumen sebut harga ini adalah **PERCUMA** dan hanya penyebut harga yang **LAYAK SAHAJA** (iaitu melepasi saringan wajib) dibenarkan untuk mengambil dokumen sebut harga di pejabat ini bermula **11 November 2021 (Khamis)** sehingga **18 November 2021 (Khamis)**. Pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi dalam bentuk salinan keras (hardcopy) kepada pejabat ini.
4. Taklimat sebut harga dan Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Oleh itu, pihak kontraktor akan diberikan Slaid Taklimat bersekali dengan dokumen sebut harga sebagai rujukan. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor **DIGALAKKAN** untuk membuat lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri menggunakan lokasi yang akan diberikan dalam Slaid Taklimat.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertandakan **SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH BAGI KAJIAN MENYELURUH SUMBER BEKALAN AIR MENTAH NEGERI SEMBILAN** dalam Peti Sebut Harga melalui serahan tangan/perkhidmatan pos/kurier ke **Seksyen Pentadbiran & Kewangan, Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Aras 1, Blok E4/5, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62668 Putrajaya** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada hari **Khamis**, bertarikh **25 November 2021**.

(Ir. RAHMAT BIN HJ ABD RAHMAN)  
Pengarah Bahagian Bekalan Air  
Kementerian Alam Sekitar dan Air

Nota:

1. Kos Perkhidmatan pos/kurier ditanggung oleh pihak penyebut harga.
2. Kelewatan penerimaan dokumen sebut harga melalui pos/ kurier selepas masa dan tarikh tutup sebut harga akan mengakibatkan dokumen sebut harga tersebut tidak diterima/dipertimbangkan.